

# Ramai Melayu berpoligami ambil produk tradisional

Berita Harian 9/08/2010 M/S 4

## Lelaki hadapi masalah seks ambil ubat tanpa jumpa doktor

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Orang Melayu termasuk lelaki berpoligami dikenal pasti paling ramai mengambil produk kesihatan tambahan dan ubat tradisional mengandungi racun berjadual yang berlambak di pasaran seperti ubat perangsang seks kerana keinginan keterlaluan selain kemaruk untuk mencuba.

Selain itu, lelaki yang menghadapi masalah seks lebih rela mendapatkan rawatan dengan memakan produk berkenaan berbanding berjumpa doktor bertauliah kerana malu mengakui mempunyai masalah berkenaan.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Dr Maamor Osman, berkata orang Melayu juga mudah terpengaruh dengan testimoni serta iklan disiarkan pada media massa atau promosi jualan ubat berkenaan di kaki lima atau secara dalam talian.

Katanya, kajian juga mendapati bukan semua pengguna ubat perangsang seks



**“** Bukan semua pengguna ubat perangsang seks menghadapi masalah kesihatan reproduktif, sebaliknya mahu mencuba selepas orang lain menceritakan keberkesanannya

**Dr Maamor Osman**  
Setiausaha Agung Persatuan  
Pengguna Islam Malaysia

menghadapi masalah kesihatan reproduktif, sebaliknya sengaja mengambil ubat itu kerana mahu mencuba selepas orang lain menceritakan keberkesanan produk yang diambil.

“Selain itu, kekangan kewangan orang Melayu menyebabkan mereka rela membeli ubat perangsang seks tiruan dan tidak berdaftar berbanding membeli viagra berharga RM50 sebiju,” katanya dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Beliau mengulas usaha terbaru Kementerian Kesihatan memerangi habis-habisan penjualan produk makanan dan minuman kesihatan tambahan, kosmetik serta ubat-ubatan tradisional tidak berdaftar yang berselindung di sebalik nama herba dan bahan asli.

Khamis lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dilaporkan berkata, kementerian itu mengesan 50 produk makanan dan minuman kesihatan tambahan serta ubat-ubatan tradisional mengandungi racun berjadual termasuk bahan aktif perangsang seks.

Dr Maamor berkata, dipercayai lelaki berpoligami di kalangan orang Melayu turut mengambil ubat perangsang seks kerana mahu memenuhi tuntutan isteri masing-masing.

Justeru, katanya, tindakan bersepadu antara Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan perlu ditingkatkan bagi memerangi penjualan produk tiruan yang membahayakan kesihatan ini.

Beliau yang juga pengamal perubatan berkata, ubat perangsang seks tiruan biasanya mengandungi racun berjadual seperti sildenafil yang boleh mengakibatkan pengguna mengalami masalah jantung, gengkal hati, kegagalan buah pinggang berfungsi dan seterusnya membawa maut jika diambil melebihi dos dibenarkan.

Katanya, bahan kimia itu hanya dibenarkan dalam pil viagra keluaran Pfizer untuk merawat lelaki yang mengalami mati pucuk dengan dos dibenarkan.